



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 36 RABU 7 September, 1966. رابو 21 جماد الاول 1386 PERCHUMA

D. Y. M. M. MERASMIKAN PEMBUKAAN BANGUNAN BARU JABATAN UGAMA BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah merasmikan pembukaan bangunan baru Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei pada pagi hari Khamis 1 September, 1966 bersamaan dengan 15 Jemadil Awal, 1386.

Bangunan tersebut, letaknya berhampiran dengan Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei, telah dibina oleh Kerajaan dengan perbelanjaan satu juta tiga ratus enam puluh tiga ribu ringgit.

Batu Asas-nya telah diletak oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei pada 20 Ogos, 1964.

Sa-belum Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan merasmikan pembukaan Bangunan Baru Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei pada pagi hari tersebut, Duli Yang Maha Mulia telah melafzkan titah ucapan yang amat di-hargai. Titah ucapan Baginda dengan sa-penoh-nya adalah seperti berikut:

"Saya bershukur ka-hac'zrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan taufik hidayah-nya dapat-lah saya hadir di-majlis yang chemerang pagi ini.

Saya menguchap terima

kaseh kapada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama kerana menjemput saya ka-majlis ini untuk memberi sa-patah dua ucapan dan akan merasmikan pembukaan bangunan baru Jabatan Ugama Negeri Brunei.

Saya sukachita mendingar perma'aluman Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama mengenai bangunan yang dapat di-saksikan dan molek. Menurut saba-gaimana di-jelaskan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama sa-bentar tadi, bangunan ini mempunyai 4 tingkat mengandongi Mahkamah Sharaiah, Jabatan



Kadzi Besar, Jabatan Ugama. Dewan Mashuarat Majlis Mudzakah Ugama dan lain2-nya.

Saya menguchap tahniah dan penghargaan terutama kapada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama yang telah berusaha dengan penoh minat. Dan juga ucapan tahniah saya kapada sekalian Pegawai di-Jabatan yang berkenaan yang membantu kerja2 pelaksanaan bangunan ini.

LIHAT MUKA 8

Y. T. M. Duli Pengiran Muda Mahkota Berangkat Ka-London Hari Ini

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah akan berangkat meninggalkan Negeri Brunei menuju ka-London melalui Hong Kong pada hari Rabu, 7 September, 1966.

Ahli2 Majlis2 Mashuarat, Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Pentadbiran Brunei ada-lah di-pinta berada di-Lapangan Terbang Brunei pada jam 10.45 pagi untuk menguchapkan selamat berangkat kapada Ke-bawah Duli.

Pakaian seragam tidak di-kehendaki.



Istiadat Bersiram bagi Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi-Kalthum Al-Islam, berusia 10 tahun, Puteri Yang Ke-tiga kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, telah di-langsungkan di-Istana Darul Hana, Brunei pada 1 September, 1966. Dalam gambar ini kelihatan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani sedang menepong tawar kapada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi-Kalthum Al-Islam.

SAMBUTAN HARI JADI D.Y.M.M.

Jadual Perlawanan Sepak Raga Jaring

BANDAR BRUNEI — Jadual Perlawanan Sepak Raga Jaring bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bertempat di Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin ada-lah seperti berikut:

PASOKAN "A" HARI JUMA'AT 9 SEPTEMBER

4.30 petang — PUSAKA Lawan SRI TANJONG. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERANGKAB dan IBB. 4.55 petang — PERANGKAB Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BOMBA dan INSAP. 5.20 petang — BOMBA Lawan INSAP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERKASA dan M.P.M.B. 5.45 petang — PERKASA Lawan M.P.M.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRI TANJONG dan PERANGKAB. 6.10 petang — SRI TANJONG Lawan PERANGKAB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IBB dan BOMBA. 6.35 petang — IBB Lawan BOMBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — INSAP dan PULIS. 7.00 malam INSAP Lawan PULIS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PUSAKA dan M.P.M.B. 7.25 malam — PUSAKA Lawan M.P.M.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRI TANJONG dan PERANGKAB.

HARI SABTU 10 SEPTEMBER:

4.30 petang — KUBU Lawan PULIS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan IKLS. 4.55 petang — A.M.D.B. Lawan IKLS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — TIBA dan S.M.M.P. 5.20 petang — TIBA Lawan S.M.M.P. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — INSAP dan IBB. 5.45 petang — INSAP Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PULIS dan A.M.D.B. 6.10 petang — PULIS Lawan A.M.D.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IKLS dan TIBA. 6.35 petang — IKLS Lawan TIBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — S.M.M.P. dan PERKASA. 7.00 malam — S.M.M.P. Lawan PERKASA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — KUBU dan IBB. 7.25 malam — KUBU Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PULIS dan A.M.D.B.

HARI ISNIN 12 SEPTEMBER:

4.30 petang — A.M.D.B. Lawan SRJIP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — M.P.M.B. dan SRI TANJONG. 4.55 petang — M.P.M.B. Lawan SRI TANJONG. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — S.O.A.S.C. dan PERANGKAB. 5.20 petang — S.O.A.S.C. Lawan PERANGKAB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — TIBA dan KUBU. 5.45 petang — TIBA Lawan KUBU. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRJIP dan M.P.M.B. 6.10 petang — SRJIP Lawan M.P.M.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRI TANJONG dan S.O.A.S.C. 6.35 petang — SRI TANJONG Lawan S.O.A.S.C. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERANGKAB dan TIBA. 7.00 malam — PERANGKAB Lawan TIBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BAKTI dan BOMBA. 7.25 malam — BAKTI Lawan BOMBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRJIP dan M.P.M.B.

HARI SELASA

13 SEPTEMBER:

4.30 petang — PUSAKA Lawan A.M.D.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IBB dan S.O.A.S.C. 4.55 petang — IBB Lawan S.O.A.S.C. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BAKTI dan PERKASA. 5.20 petang — BAKTI Lawan PERKASA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — KUBU dan SRI TANJONG. 5.45 petang — KUBU Lawan SRI TANJONG. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan IBB. 6.10 petang — A.M.D.B. Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — S.O.A.S.C. dan BAKTI. 6.35 petang — S.O.A.S.C. Lawan BAKTI. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRI TANJONG dan BOMBA. 7.00 malam — SRI TANJONG Lawan BOMBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PUSAKA dan KUBU. 7.25 malam — PUSAKA Lawan KUBU. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan IBB.

PASOKAN "B" HARI JUMA'AT 9 SEPTEMBER:

4.30 petang — A.M.D.B. Lawan PERANGKAB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PULIS dan SRI TANJONG. 4.55 petang — PULIS Lawan SRI TANJONG. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SULTAN LAMA dan BAKTI. 5.20 petang — SUL-

TAN LAMA Lawan BAKTI. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BOMBA dan IBB. 5.45 petang — BOMBA Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERANGKAB dan PULIS. 6.10 petang — PERANGKAB Lawan PULIS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRI TANJONG dan SULTAN LAMA. 6.35 petang — SRI TANJONG Lawan SULTAN LAMA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BAKTI dan BOMBA. 7.00 malam — BAKTI Lawan BOMBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan IBB. 7.25 malam — A.M.D.B. Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERANGKAB dan PULIS.

HARI SABTU

10 SEPTEMBER:

4.30 petang — PERKASA Lawan KUBU. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PUSAKA dan IKLS. 4.55 petang — PUSAKA Lawan IKLS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — P.G.G.M.B. dan INSAP. 5.20 petang — P.G.G.M.B. Lawan INSAP. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan BAKTI. 5.45 petang — A.M.D.B. Lawan BAKTI. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — KUBU dan PUSAKA. 6.10 petang — KUBU Lawan PUSAKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IKLS dan P.G.G.M.B. 6.35 petang — IKLS Lawan

P.G.G.M.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — INSAP dan M.P.M.B. 7.00 malam — INSAP Lawan M.P.M.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERKASA dan 3PKA. 7.25 malam — PERKASA Lawan 3PKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — KUBU dan PUSAKA.

HARI ISNIN

12 SEPTEMBER:

4.30 petang — SUMBILING Lawan S.O.A.S.C. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan S.M.M.P. 4.45 petang — A.M.D.B. Lawan S.M.M.P. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — TIBA dan IBB. 5.20 petang — TIBA Lawan IBB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PERANGKAB dan SULTAN LAMA. 5.45 petang — PERANGKAB Lawan SULTAN LAMA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — S.O.A.S.C. dan A.M.D.B. 6.10 petang — S.O.A.S.C. Lawan A.M.D.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IBB dan PERANGKAB. 6.35 petang — A.M.D.B. Lawan TIBA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SUMBILING dan SULTAN LAMA. 7.00 malam — IBB Lawan PERANGKAB. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — A.M.D.B. dan TIBA. 7.25 malam — SUMBILING Lawan SULTAN LAMA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — IBB dan PERANGKAB.

HARI SELASA

13 SEPTEMBER:

4.30 petang — BAKTI Lawan PUSAKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SRI TANJONG dan 3 PKA. 4.55 petang — SRI TANJONG Lawan 3PKA. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — KUBU dan PULIS. 5.20 petang — KUBU Lawan PULIS. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — SUMBILING dan P.G.G.M.B. 5.45 petang — SUMBILING Lawan P.G.G.M.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PUSAKA dan SRI TANJONG. 6.10 petang — PUSAKA Lawan SRI TANJONG. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — 3PKA dan KUBU. 6.35 petang — 3PKA Lawan KUBU. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PULIS dan SUMBILING. 7.00 malam — PULIS Lawan SUMBILING. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — BAKTI dan P.G.G.M.B. 7.25 malam — BAKTI Lawan P.G.G.M.B. Penjaga Garisan Tepi dan Teras — PUSAKA dan SRI TANJONG.



Awang R.F. McLennon kelihatan menziarahi D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan sa-lepas Baginda mengurniakan Bintang S.L.J. kepada beliau di-Istana Darul Hana baru2 ini.

Mendapat Kurniaan Bintang S.L.J.

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan Bintang Sri Laila Jasa (S.L.J.), Darjah Ketiga kepada Awang R. F. McLennon.

Istiadat mengurniakan Bintang tersebut telah di-langsungkan di-Istana Darul Hana pada hari Sabtu 27 Ogos, 1966.

Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu² sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah² Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7 September hingga ka-hari Selasa 13 September, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

| Hari Bulan | Dzohor | Asar | Maghrib | Isha | Imsak | Matahari | |
|---------------|--------|------|---------|------|-------|----------|--------|
| | | | | | | Suboh | Terbit |
| 7 Sept. | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.45 | 6.12 |
| 8 Sept. | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.45 | 6.12 |
| 9 Sept. | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.45 | 6.12 |
| 10 Sept. | 12.22 | 3.38 | 6.26 | 7.39 | 4.39 | 4.54 | 6.11 |
| 11 Sept. | 12.22 | 3.38 | 6.26 | 7.39 | 4.39 | 4.54 | 6.11 |
| 12 Sept. | 12.22 | 3.38 | 6.26 | 7.39 | 4.39 | 4.54 | 6.11 |
| 13 Sept. | 12.22 | 3.38 | 6.26 | 7.39 | 4.39 | 4.54 | 6.11 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

MENTERNAK AYAM UNTOK MENCHARI KEUNTONGAN

TELOR dan daging ayam merupakan bahan penting yang di-sukai dalam makanan kita sa-hari2. Telor mengandongi hampir semua zat protin yang diperlukan untuk membesar dan menyuburkan tuboh badan ma'anusia. Maka dengan sebab itu ada-lah perlu supaya telor2 baru dan daging2 ayam dapat di-beli di-negeri ini dengan harga yang murah dari segi ekonomi.

Tetapi ada-kah kita mendapat bahan2 makanan sa-rupa itu dengan harga yang murah?

Negeri ini sangat bergantung kepada negara2 jiran saperti Sarawak dan Singapura untuk perbekalan telor dan ayam dengan harga2 yang di-tetapkan oleh saudagar2 di-negeri2 itu.

Mesti-lah menjadi chita2 kita unok mengadakan sendiri telor dan ayam itu dan perkara ini tidak sukar, jika mempunyai keinginan dan kesungguhan.

Jika Pulau Singapura yang kecil itu boleh mengeluarkan telor dan ayam yang menchukupi, bukan sahaja unok di-makan oleh ra'ayat-nya yang lebeh dari sa-juta orang, bahkan menjual kepada negara2 jiran, maka tiada

Menternak Ayam sejak akhir2 ini telah menjadi satu lapangan yang di-gemari ramai. Baik di-Bandar Brunei mahupun di-daerah2 yang lain saperti Temburong, Tutong dan Belait memang kita dapat melihat usaha menternak ayam ini di-jalankan dengan pesat-nya bukan hanya sa-chara kechil2 bahkan di-buat sa-chara besar2an. Memandang kegiatan2 yang baik itu, maka Pelita Brunei menerbitkan satu renchana mengenai menternak ayam yang di-tulis oleh Awang C.V. Subramaniam, Pegawai Kehaiwanan dari Jabatan Pertanian Negara.

sebab pun kita tidak berbuat demikian, sekurang2-nya unok makanan kita sendiri.

Ada beberapa chara unok menternak ayam, tetapi memandang kepada hawa Brunei yang panas dan lembab, serta hujan yang lebat, maka chara2 yang di-shorkan unok negeri ini ia-lah "Chara Meluas" unok ayam2 yang hendak di-buat makan: "Chara Di-atas Tanah" unok ayam bertelor dan di-buat makan, dan "Chara Berpetak2" unok ayam bertelor.

CHARA MELUAS


Di-bawah chara ini reban ayam itu di-buat de-

ngan lantai-nya daripada dawai mata punai dan tinggi dari tanah. Banyak ayam boleh di-taruh di-dalam reban itu yang ka-

langang yang di-potong sa-tebal 4 hingga 6 inchi. Sampah2 ini di-tambah kemudian-nya sa-tebal 2 inchi sa-bulan dan sampah2 ini mesti-lah di-jaga dengan betul.

Sampah2 ini mesti-lah di-buang semua sa-kali tiap2 tahun. Lantai itu mesti-lah jangan basah atau lembab. Ayam2 itu di-letakkan di-atas sampah2 itu, dan ia-nya tidak akan berbau busok.

Sampah2 itu lama ke-lamaan menjadi hanchor dan sangat baik unok di-buat baja. Reban jenis ini memerlukan lain2 alat juga saperti tempat bertenggek, tempat bertelor, tempat ayer dan tempat mengisi makanan.



Jenis2 ayam "AUSTRALOP" yang di-datangkan dari Australia yang di-pelihara dengan chara "Battery System" atau chara berpetak2.

wasan-nya boleh di-katakan kechil juga. Ayam2 juga selalu terkurong dalam reban itu. Di-bawah chara ini, ayam2 itu mesti-lah di-berikan makanan yang zat2-nya menchukupi, kalau tidak ayam2 itu akan menjadi jahat saperti makan daging sesama sendiri atau pun mematok bulu2 ayam yang lain.

CHARA DI-ATAS TANAH

Ini juga ada-lah satu chara meluas unok menternak ayam dengan tidak memakai tenaga banyak, sa-orang sahaja di-perlukan unok menjaga sa-jumlah besar ayam2 yang di-ternak itu.


Reban di-atas tanah ini boleh di-buat mengikut jumlah ayam2 yang hendak di-ternak, tetapi sa-bagai mengikut peratoran sa-buah reban sa-luas 7 kaki X 7 kaki X 6 kaki boleh mengisi 20 ekor ayam. Lantai reban itu di-tutup dengan habok kayu atau

CHARA BERPETAK2

Chara ini yang di-shorkan unok ayam2 bertelor ada-lah sangat baik. Hanya sa-ekor ayam sahaja unok satu petak, dan satu tingkat atau barisan boleh mengandongi beberapa petak. Di-sebabkan tiap2 sa-ekor ayam di-letakkan dalam tiap2 satu petak yang berasingan, maka kebolehan tiap2 sa-ekor ayam itu bertelor boleh dapat di-ketahui dan mana2 ayam yang tidak bertelor boleh di-ketepikan.

Penyakit ayam juga boleh di-cheгах daripada merebak dan ayam2 itu tidak dapat menjadi jahat saperti memakan daging sesama sendiri, mematok bulu2 dan lain2 lagi. Hanya ayam2 besar unok bertelor di-letakkan dalam petak2 itu dan ada-lah penting bahawa makanan yang menchukupi zat di-berikan kapada-nya.

Bersambung



Telor2 ayam yang di-masokkan ka-mesin Penetas di-Bilek Penetas Ayam, Pusat Pertanian Kilanas.

Pentadbiran Pelajaran Ugama Di-Negeri Brunei

JABATAN Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah berjaya mengendalikankan Pentadbiran Pelajaran Ugama di-Negeri Brunei samanjak jabatan itu di-tubuhkan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin pada 1 Julai, 1954.

Pada masa ini seramai 5,813 orang penuntut² lelaki dan perempuan belajar di-Sekolah² Rendah Ugama di-seluruh Negeri Brunei dan seramai 6,781 orang lelaki dan perempuan belajar di-Sekolah² Dewasa Ugama di-seluruh negara.

Penuntut² dari Negeri Brunei yang pada masa ini sedang melanjutkan pelajaran Ugama di-luar negeri atas biasiswa Kerajaan Brunei ada-lah berjumlah seramai 64 orang.

Mereka ada-lah mengandongi: 2 orang di-Universiti Al-Azhar, Mesir; 19 orang di-Kolej Islam, Klang, Selangor, Malaya; 30 orang di-Sekolah Arab Al-Junied, Singapura; 8 orang penuntut² perempuan di-Kluang, Johore, Malaya dan 5 orang di-Al-Ahyaushariff Gunong Semanggol, Perak, Malaya.

Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei berharap akan menghantarkan ramai bilangan warga negara Brunei yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran mereka di-luar negeri pada masa akan datang.

Jabatan tersebut telah membena sa-buah Sekolah Arab untuk penuntut² lelaki, ia-itu Sekolah Ugama (Arab) Menengah Lelaki Hassanal Bolkiah. Pembinaan bangunan ini akan siap pada awal tahun hadapan.

Selain dari itu, jabatan itu juga telah membena bangunan Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Anak Damit yang di-jangka siap pembinaan-nya kira² pada penghujung tahun hadapan.

Sementara itu, menurut Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, sa-hingga sekarang Guru² tempatan yang mengajar di-Sekolah² Ugama di-seluruh negara sudah berjumlah 110 orang. Seramai 89 orang Guru² yang di-datangkan dari luar negeri kini mengajar di-Sekolah² Ugama di-seluruh Negeri Brunei.

Usaha² untuk melateh Guru² tempatan yang tidak terlatah menjadi terlatah sedang di-jalankan dengan pesat-nya. Ini bukan-lah bererti bahawa Guru² yang di-datangkan dari luar negeri tidak di-kehendaki lagi tenaga mereka apabila Guru² tempatan yang belum terlatah itu sudah menjadi terlatah.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah menjelaskan bahawa perkhidmatan mereka akan terus di-gunakan dalam usaha untuk menyebarkan pengetahuan Ugama Islam di-kalangan ra'ayat negeri ini.

Bagi menetapkan dan menentukan Dasar Jangka Panjang yang kekal mengenai Rancangan Perguruan Ugama, yang di-perchayai akan bertambah² bilangan Guru² Ugama tempatan akan di-jadikan Guru Ugama Terlatah, maka Kerajaan telah meluluskan satu Rancangan untuk membangun sa-buah Bangunan Maktab Perguruan Ugama yang di-jangka pembinaannya akan dapat di-mulakan pada pertengahan tahun hadapan dan di-jangka siap dalam tahun 1968-1969.

Memandang kapada kegiatan² itu, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah berhasil memberi pendidekan dalam Pelajaran Ugama kapada warga negara Brunei.

Dengan siap-nya pembinaan Maktab Perguruan Ugama yang di-ranchangkan itu, lebeh ramai lagi Guru² Ugama tempatan akan dapat belajar di-Maktab Perguruan Ugama itu untuk mempunyai kelulusan sa-bagai Guru² Ugama Terlatah.

GAMBAR² KENANG



UC
I
Al-Su
rasm
tan H
pagi
I
terse
giran
Y.T.M
Y.T.M
hara

N PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN BARU ABATAN MA BRUNEI

Paduka Seri Baginda Maulana Omar Ali Saifuddin telah membuka Bangunan Baru Jabatan Ugama Negeri Brunei pada mis 1 September, 1966.

Para hadirin di-upachara h Y.T.M. Seri Paduka Duli Pen- tahkota Hassanal Bolkiah serta Pengiran Isteri Anak Saleha; Paduka Duli Pengiran Benda- Seri Paduka Duli Pengiran Pe-

mancha; Pesuroh Jaya Tinggi British di- Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Web- ber; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Ber- hormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un; Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Men- teri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar; Pemangku Setia Usaha Kerajaan Dato Paduka Awang Md. Taib bin Awang Besar; Putera-Puteri Di-Raja; Ahli2 Majlis Mashuarat Di-Raja, Negeri dan Dae- rah dan Pembesar2 Negara.

Gambar2 atas, tengah dan bawah telah di-upacha- ra tersebut. Gambar di-bawah sa-belah kanan ia-lah satu pe- mandangan Pejabat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

GAMBAR2 DENGAN EH- SAN BADAN PENERANGAN UGAMA ISLAM BRUNEI.



Pegawai2 Baru Persatuan PIKAP

KAMPONG PERAMU. — Persatuan Ikatan Kampong Peramu, Brunei ringkas-nya PIKAP, telah mengadakan mashuarat bagi melantek Jawatan Kuasa Baru 1966 pada hari Juma'at 26 Ogos, 1966 di rumah Pehin Seri Wangsa Haji Mohammad. Mashuarat di-mulakan pada jam 3.05 petang dan di-tamatkan pada jam 5.30 petang dengan bacaan doa' selamat oleh Ustaz Awang Daud bin Momin.

Mashuarat telah di-penguruskan oleh Awang Haji Md. Tarif bin P.S.W. Haji Mohammad.

Ahli2 jawatan kuasa yang di-lantek terdiri dari:- Yang Di-Pertua Persatuan — Aw. Mahmud bin Haji Ali Hussain. Naib Yang Di-Pertua — Aw. Metussin bin Timbang. Setia Usaha Agong — Awang Haji Md. Tarif bin P.S.W. Haji Mohammad. Penulung Setia Usaha Agong, Aw. Abd. Latif bin Ahmad. Bendahari — Aw. Haji Ismet bin Haji Naim. Setia Usaha Penerangan dan Pelajaran — Aw. Abidin bin Md. Zain. Setia Usaha Sokan, — Aw. Tuah bin Kadir. Setia Usaha Sosial/Kebajikan — Aw. Jamil bin Metassan dan 4 orang Ahli2 Jawatan Kuasa.

Dalam mashuarat tersebut persatuan ini juga telah bersetuju untuk turut serta mengambil bahagian dalam Perayaan 25th Sabutan Hari Keputeraan Duli Maha Mulia Maulana Al-Sultan kali yang ke-50, antara lain seperti Tablo, Lawak jenaka, Nyanyian, Tarian dan Perarakan tanglong berjalan kaki.

Yang Di-Pertua Persatuan, Aw. Mahmud bin Haji Ali Hussain dalam ucapan penutup-nya telah berkata: "Dalam hidup berpersatuan kita mesti-lah bersatu padu dan tulong menulong antara satu sama lain demi kebaikan kita bersama, khas-nya bagi penduduk2 Kampong Peramu, am-nya untuk bangsa, agama dan masharakat seluruh-nya. Jaya dan mundor-nya persatuan ini ada-lah terletak di atas kerja sama dan kebijaksanaan ahli2-nya sendiri."

Akhir-nya beliau berpesan kepada ahli2 yang di-lantek hendak-lah bertanggung jawab dalam menjalankan tugas yang di-berikan pada-nya dan ingat-lah "Hidup bersatu padu itu ada-lah teras kemajuan." Berita kiriman: Aw. Abidin bin Md. Zain.

KENYATAAN KASTAM

Bagi menjalankan kuasa2 yang di-beri ka-atas Pengawal Kastam oleh bab 9 dari Undang2 Kastam, 1954, maka beliau dengan ini menetapkan, bagi tujuan mengenakan chukai2 harga barang yang di-se-

JAWATAN - JAWATAN KOSONG: PEGAWAI PERGIGIAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Pegawai Pergigian dalam Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei, (3 jawatan kosong)

KELAYAKAN:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan2 yang berikut:—

- (i) L.D.S./B.D.S. (Singapore) atau
- (ii) B.D.S. (Malaya) atau
- (iii) Sebarang degree, diploma atau lesen yang di-akui untuk membolehkan-nya di-daftarkan oleh General Dental Council, dan Pendaftaran di-United Kingdom.

PENGALAMAN:

Chalon2 di-kehendaki mempunyai pengalaman selama beberapa tahun. Pengalaman dalam bidang Perkhidmatan Gigi Sekolah ada-lah sangat berguna.

Butir2 pekerjaan selepas mendapat ijazah hendak-lah di-nyatakan dalam permohonan.

TUGAS2

Tugas2 meliputi lawatan ka-Sekolah2, rumah sakit dan perkhidmatan klinik2 gigi mobile.

GAJI:

Dalam sukatan \$1020 X 40 — 1620 EB 1670 X 50 — 1820 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman.

TEMPOH PERKHIDMATAN:

Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharu sekira-nya kedua2 pehak bersetuju.

BAKSIS

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

CHUKAI

PENDAPATAN:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

butkan di-dalam Jadual di-sini mulai dari dan termasuk 5 September, 1966.

Lada Puteh sa-pikul \$167.20 sen.

Lada Hitam sa-pikul \$123.20 sen.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei,

Juru Jentera Di-Jabatan Perkhidmatan Bomba Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan untuk memenohi jawatan sebagai Juru Jentera Tingkat I di-Jabatan Perkhidmatan Bomba, Brunei.

KELAYAKAN2:

- (a) Chalon2 mesti-lah mendapat latehan di-Sekolah Pertukangan B.S.P. dan kemudiannya mempunyai 3 tahun pengalaman praktik; atau
- (b) bekas fitter B.S.P. yang telah berkhidmat dalam Tingkatan 9 sama ada di-bahagian Automative atau pun Jentera Mekanik; atau
- (c) mempunyai sekurang-nya 3 tahun pengala-

mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 1 Oktober, 1966.

man sebagai juru jentera dalam sa-buah workshop yang terkemuka.

GAJI: Dalam sukatan E 1-2 EB 3 \$200 X 10 — 270/- EB/280x10 — 330. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 23 September, 1966.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai permohonan2 berserta dengan Chatetan Perkhidmatan.

Kursus Unggun Api Pemimpin2 Pengakap Seluruh Negara

BANDAR BRUNEI. — Seramai 24 orang Pemimpin2 Pengakap dari seluruh negara telah menghadiri Kursus Unggun Api di-Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei pada hari Juma'at 26 Ogos, 1966. Kursus itu di-mulai dari jam 2 petang dan telah berakhir pada jam 9 malam.

Kursus Unggun Api itu telah di-adakan di-bawah pimpinan Pesuruh Jaya Latehan Pengakap Negeri Brunei, Awang Yahya Md. Yusof.

Beliau telah di-bantu oleh Pesuruh Jaya Penyusun Pengakap Negeri Brunei, Awangku Tajuddin bin Pengiran Ahmad; Penolong Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Tutong, Awang Metamit bin Iradat; Awang Mahmud Shahrani dan Awang Hassan Timbang.

Pada jam 7.30 malam satu temasha Unggun Api telah di-adakan di-Dewan Ibu Pejabat Pengakap tersebut, di-sebabkan keadaan chuacha tidak begitu baik. Awang Hassan bin Haji Abdul Ghani telah bertugas sa-bagai Pemimpin temasha itu.

Di-antara para hadhirin di-temasha Unggun Api tersebut ia-lah Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Brunei, Muara dan Tutong Awang Shahbudin bin Saleh.

Kursus Unggun Api itu di-adakan, antara-nya untuk memberi latehan kepada Pemimpin2 Pengakap dan mengatasi kesulitan2 bagi mengadakan Kursus Unggun Api di-Pasokan masing2.

Dengan itu, dapat-lah mereka membuat ranchangan Unggun Api dengan terator dan munasabah di-tempat masing2. Demikian kata Pesuruh Jaya Latehan Pengakap Negeri Brunei, Awang Yahya Mohd. Yusof dalam satu pertemuan dengan beliau sa-lepas di-adakan kursus Unggun Api itu pada malam tersebut.

Berbagai2 Unggun Api boleh di-adakan oleh Pasokan2 Pengakap seperti Unggun Api Patrol, Unggun Api Pasokan dan Unggun Api Kumpulan.

Sa-lain daripada itu, Unggun Api yang lebeh besar lagi ia-lah Unggun Api Daerah, Unggun Api Sa-Negeri atau pun Unggun Api yang di-adakan di-waktu perkhidmatan2.

PERLUMBAAN BERJALAN KAKI ANJORAN PERSATUAN MELAYU KERIAM TUTONG

KERIAM. — Dayangku Jauyah binte Pengiran Juba dari Sekolah Melayu Sengkuring telah berjaya menjadi Johan Bahagian Perempuan Dewasa pada tahun yang ketiga berturut2 dalam Perlumbaan Berjalan Kaki anjoran Persatuan Melayu Keriam, Tutong pada pagi hari Ahad 28 Ogos, 1966.

Adek Dayangku Jauyah, ia-itu Dayangku Rafiah binte Pengiran Juba telah menjadi Johan Bahagian Kanak2 Perempuan dalam perlumbaan tersebut.

Private Sinin Metali dari Askar Melayu Di-Raja Brunei telah menjadi Johan Bahagian Lelaki Dewasa, manakala, Abdullah bin Abdul Rahman dari Kampong Kilanas telah menjadi Johan dalam Bahagian Kanak2 Lelaki.

Johan antara Pasokan2 ialah Persatuan Melayu Keriam, Tutong.

Seramai 232 orang peserta2 lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Perlumbaan Bahagian2 Lelaki Dewasa dan Kanak2 Lelaki ia-lah sa-jauh 8 batu, ia-itu dari satu kawasan di-Kuala Tutong hingga ka-kawasan Persatuan Melayu Keriam.

Perlumbaan Bahagian2 Perempuan Dewasa dan Kanak2 perempuan pula ia-lah sa-jauh 6 batu, ia-itu dari hadapan Istana Pantai ka-kawasan P.M.K.T.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dan juga Sijil kepada tiap2 peserta.

Keputusan Perlumbaan Berjalan Kaki itu ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI DEWASA: Johan — Private Sinin Metali dari Askar Melayu Di-Raja Brunei. Masa-nya 1 jam, 19 minit, 36.2 sa'at. Naib Johan — Jait bin Hitam dari Persatuan Melayu Keriam. Ketiga — Md. Noor bin Ahmad dari Persatuan PATUH.

BAHAGIAN KANAK2 LELAKI: Johan — Abdullah bin Abdul Rahman (Kampong Kilanas, Brunei). Masa-nya 1 jam, 21 minit, 47.8 sa'at. Naib Johan — Laman bin Ja'afar (Kampong Sengkuring). Ketiga — Othman bin Dullah (Sekolah Melayu Sengkuring).

BAHAGIAN PEREMPUAN DEWASA: Johan Dayangku Jauyah binte Pengiran Juba (Sekolah Melayu Sengkuring). Masa-nya 1 jam, 25 minit, 32.8 sa'at. Naib Johan — Layyah binte Hitam (Sekolah Melayu Keriam). Ketiga — Aminah binte Haji Damit (Sekolah Melayu Sengkuring).

BAHAGIAN KANAK2 PEREMPUAN: Johan — Dayangku Rafiah binte Pengiran Juba (Sekolah Melayu Sengkuring). Masa-nya 1 jam, 32 minit, 48.2 sa'at. Naib Johan — Jijah binte Naim (Sekolah Melayu Sengkuring). Ketiga — Mahal binte Serudin (Sekolah Melayu Birau, Tutong).

BAHAGIAN PASOKAN (Terbuka kepada Pasokan2 di-Daerah Tutong sahaja): Jo-

han — Persatuan Melayu Keriam Tutong, Naib Johan — Persatuan Melayu Sengkaring. Ketiga — Sekolah Melayu Sinaut. Ke-empat — Sekolah Melayu Lamunin.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh



Private Sinin Metali dari Askar Melayu Di-Raja Brunei kelihatan memenangi Perlumbaan Berjalan Kaki Ba-

hagian Lelaki Dewasa anjoran Persatuan Melayu Keriam Tutong pada hari Ahad yang lalu.

telah memberikan ucapan yang berharga sa-belum beliau di-jemput untuk menyampaikan hadiah2. Turut memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Pengerusi Perlumbaan, Aw. Bolhassan bin Abdul Rahman dan Setia Usaha Perlumbaan, Aw. Ajmain bin Md. Jais. Aw. Junaidi bin O.K.S.N. Md. Safar telah bertugas sa-bagai Juru Hebah di-temasha tersebut.

Pameran Barang2 Perbuatan Guru2 Dan Penuntut2 Maktab S.O.A.S.

BANDAR BRUNEI. — Guru2 dan penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengadakan satu Pameran berbagai2 jenis barang2 perbuatan mereka di-Dewan Maktab S.O.A.S. pada pagi hari Selasa 23 Ogos.

Pameran itu telah diadakan di-bawah anjoran Hobbies Club Maktab S.O.A.S. dan telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pengetua Maktab itu, Awang Ian McKnight.

Barang2 yang di-pamerkan itu, ada-lah mengandungi berbagai2 jenis lukisan, barang2 yang di-buat dengan kayu, barang2 pertukangan tangan dan barang2 elektronik.

Pengelola klab tersebut, Chegu Awang P. B. Ilomin berkata bahawa beliau berharap pameran itu akan dapat memberikan panduan kepada penuntut2 dari sekolah2 yang lain untuk membuat barang2 kegemaran mereka masing2.

Sandiwara Purbawara Anjoran 3PM Temburong

BANGAR. — Sa-buah Sandiwara Purbawara lima babak, akan di-persembahkan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Melayu Temburong (3PM TEMBURONG) di-temasha Malam Aneka Warna bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, ia-itu bertempat di-Pekan Bangar Temburong pada malam 1 Oktober, 1966.

Sandiwara Purbawara yang akan di-persembahkan itu, berjudul, "MENITI DAMAI DI-BUMI KEROH," ia-itu hasil karya Awang Hassan Ampuan Tahir, Temburong.

Di-antara achara2 yang akan di-persembahkan di-temasha tersebut ia-lah Tarian2 Melayu Asli Brunei, Lawak Jenaka oleh pelawak2 tempatan, Nyanyian2 oleh Bintang2 Radio Daerah dan Negeri serta lain2 achara. — Berita kiriman Awang Mohd. Yussof Haji Mesir, Setia Usaha Agong Persatuan 3 PM Temburong.

Keputusan Perlawanan Bola Sepak Anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Sumbiling "A" telah berjaya menjadi Johan dalam Perlawanan Bola Sepak anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei yang telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei baru2 ini.

Perlawanan bola sepak tersebut telah di-kelolakan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling dengan memperolehi sambutan yang baik dari kalangan pasokan2 Bola Sepak dari Daerah Brunei dan satu pasokan dari Tutong.

Sa-banyak 13 pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut untuk merebutkan hadiah2 Piala Perak Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom dan juga Perisai yang di-hadiahkan oleh Penulong Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos, Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengiran Haji Yussof bin Pengiran Mohd. Limbang.

Gelaran Naib Johan dalam perlawanan tersebut telah di-sandang oleh Pasokan Sultan Lama "A".

Pemenang yang ketiga dalam perlawanan tersebut ia-lah Pasokan Persatuan Kampong Saba (PERKASA) Brunei.

Keputusan penoh perlawanan tersebut ada-lah sa-

perti berikut:

JOHAN: Sumbiling "A" — mendapat 22 mata.

NAIB JOHAN: Sultan Lama "A" — mendapat 19 mata.

KETIGA: PERKASA — mendapat 16 mata.

KE-EMPAT: Belia Berakas — mendapat 16 mata.

KE-LIMA: Sumbiling "B" — mendapat 16 mata.

KE-ENAM: Burong Pingai — mendapat 15 mata.

KE-TUJUH: Belia Sengkuring — mendapat 13 mata.

KE-DELAPAN: Sungai Kedayan — mendapat 11 mata.

KE-SEMBILAN: 3 PKA — mendapat 9 mata.

KE-SEPULUH: Sukarela Tutong — mendapat 7 mata.

KE-SEBELAS: Sungai Kebun — mendapat 5 mata.

KE-DUA BELAS: KUBU — mendapat 3 mata.

KE-TIGA BELAS: Sultan Lama "B" — mendapat 2 mata.



Yang Mulia Pengiran Anak Siti Norulhayun, anakanda Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin kelihatan menziarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dalam Istiadat Mandi di-Istana Darul Hana, Brunei pada 3 September, 1966.

BERLATEH DI-ENGLAND

BERAKAS. — Awang Basiuni Ja'afar sa-orang Pembantu Rumah Sakit di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-England pada 26 Ogos, 1966 untuk menghadiri Kursus Jururawat di-Maktab Di-Raja Jururawat, London sa-lama satu tahun.



Awang Basiuni Ja'afar

Dayang Maureen Yong, sa-orang Jururawat Terlatah di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei telah juga berlepas ka-England bersama dengan Awg. Basiuni Ja'afar untuk menghadiri Kursus Jururawat di-Maktab tersebut, sa-lama satu tahun.

D.P.M.M. Merasmikan Pembukaan Kawasan Tennis

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkhiah telah merasmikan pembukaan Kawasan Tennis Baru kepunyaan Brunei Tennis Club di-Tapak Kuda pada

petang hari Ahad 4 September, 1966.

Sa-lepas merasmikan pembukaan Kawasan Tennis tersebut, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah menyaksikan Perlawanan Tennis Kejohanan Sa-Negeri Brunei, Bahagian Bergu.

Kemudian Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota menyampaikan hadiah kepada peserta yang berjaya dalam Perlawanan Tennis Kejohanan Sa-Negeri Brunei Tahun 1966, Bahagian Bergu dan Persaorangan.

Upacara pembukaan rasmi Kawasan Tennis tersebut telah di-mulai dengan ucapan dalam Bahasa Melayu oleh Kaptan, Brunei Tennis Club, Awangku Omar bin Pengiran Haji Apong. Kemudian Yang Dipertua klab itu, Awang B.C. Cartland telah berucap dalam Bahasa Inggeris.

Dalam Perlawanan Tennis Kejohanan Sa-Negeri Brunei Bahagian Bergu yang telah di-langsungkan pada petang hari Ahad yang lalu, Pengiran Hidup dan Barnabas Chia telah mengalahkan Oomen dan Nair dengan 6-3, 4-6 dan 6-3 mata.

Keputusan Perlawanan Tennis Kejohanan Sa-Negeri Brunei, Bahagian Persaorangan yang telah di-langsungkan di-Seria tempoh hari ada-lah saperti berikut: Johan — Jimmy Lynn. Naib Johan — Barnabas Chia.

Peraduan Berchuchol Lampu2 Elektrik

BANDAR BRUNEI. — Adalah di-malumkan kepada orang ramai yang tinggal di-darat bandaran Daerah Brunei dan Muara, ia-itu satu Peraduan Berchuchol Lampu2 Elektrik bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Brunei kali ke-50 akan di-adakan mulai dari 22 September hingga 26 September.

Tempat yang akan di-hakimkan ia-lah sa-panjang Jalan Tutong hingga ka-Batu 10. Sa-panjang Jalan Muara hingga ka-Batu 8. Sa-panjang Jalan Pasir Berakas hingga ka-Batu 7. Sa-panjang Jalan Gadong hingga ka-Batu 2½. Sa-panjang Jalan Sungai Lampai hingga ka-penghabisan Jalan yang diturap minyak tar dan di-kawasan bandaran.

Sharat bagi memasuki peraduan tersebut ia-lah: Rumah di-kawasan tersebut dikehendaki menyalakan api dari jam 7 malam hingga 12 tengah malam mulai pada 22 September hingga ka-26 September, ia-itu pada tiap malam.

Sa-banyak 13 hadiah akan di-keluarkan oleh Jawatan Kuasa Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Brunei kali ke-50 Bahagian Pintu Gerbang dan Berchuchol Rumah Darat Bahagian Elektrik, Daerah Brunei dan Muara.

Gunakan-lah
Bahasa
Melayu

Pembukaan Rasmi Bangunan Baru Jabatan Ugama

DARI MUKA 1

Saya bershukor kepada Allah dan berharap sa-moga dengan ada-nya pejabat baru ini, Pegawai dan kaki-tangan Ugama mengurus segala usaha, kerja dan Pentadbiran Ugama Islam akan sa-makin bertambah maju pada melaksanakan tugas dengan bijak dan sempurna, menurut Hukum dan Peratoran Ugama yang akan mengharumkan kesentosaan dan nama baik Negara Brunei kita Darus Salam ini.

Tujuan yang utama Kerajaan, saya berharap supaya Jabatan Ugama ini giat pada melaksanakan segala usaha bagi kebahagiaan, ya'ani menjiwakan taraf kehidupan rohani dan jasmani ra'ayat seluruh-nya menuntut dan menggalakkan Ilmu Pengetahuan.

Kemajuan rohani dan jasmani wajib-lah di-adun dan di-upam sa-rentak dan sa-imbang dengan akal fikiran bagi menjamin ujud-nya Brunei Darus Salam sa-buah negara yang maju, aman ma'amor, kekal bahagia sa-lama-nya.

Jabatan Ugama ada-lah mempunyai Undang-nya pada mentadbirkan bagi menjalankan kewajipan Ugama sa-hari. Ada-lah kewajipan Jabatan Ugama berusaha pada mena-

nam keimanan dan akhlak Islam yang suci murni di-dalam jiwa anak2 dan seluruh Umat Islam, menerusi Sekolah Ugama Rendah, Menengah dan Tinggi dan juga Kelas Dewasa Ugama, serta patoh kepada Hukum Islam yang akan membawa kebahagiaan di-Dunia dan kebahagiaan di-Akhirat.

MENJALANKAN DASAR2 KERAJAAN

Sa-bagai sa-buah Jabatan Kerajaan, ada-lah menjadi kewajipan Jabatan Ugama bekerjasama pada menjalankan DASAR2 KERAJAAN dan juga memajukan ajaran2 laila Ilmu Pengetahuan di-segi Ugama Islam yang menjadi Ugama Rasmi di-negeri kita Brunei Darus Salam ini."

Kemudian Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin pun bertitah: "Pada akhir-nya saya mengucapkan keshukoran kepada Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang dan dengan mengucap Bismillah Hirrahmanir Rahim, saya rasmikan pembukaan Bangunan Baru Jabatan Hal Ehwal Ugama ini."

Sa-belum Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-junjong untuk beritah dan

merasmikan pembukaan Bangunan Baru Jabatan Ugama Brunei, satu ucapan yang panjang lebar telah di-lafadzkan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Selain daripada mengucapkan berbilang2 terima kasih atas kesudian Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-majlis tersebut dan juga untuk merasmikan pembukaan Bangunan Baru Jabatan itu, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah memberikan penerangan berkenaan dengan berbagai2 perkara yang bersangkutan paut dengan jabatan tersebut.

Di-antara-nya ia-lah mengenai Pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei; Jabatan Penerangan Ugama Islam; Jabatan Khutub Khanah; Jabatan Majlis Shara'iah; Perkuboran Islam; Kelas Dewasa Ugama; Kursus Al-Koran; Pelajaran Ugama Islam dan lain2-nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berharap, sa-moga jabatan tersebut yang indah itu, akan menjadi LAMBANG serta PUSAT PENTADBIRAN ISLAM di-seluruh negara ini.